

04 APR 1998

Mahathir-Disiplin

DR MAHATHIR GESA SUPAYA PERKONGSIAN BESTARI DIMANFAAT UNTUK BERSAMA

Oleh: Wan A. Hulaimi

LONDON, 4 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa supaya dihentikan percubaan untuk mendisiplinkan kerajaan melalui pasaran tetapi sebaliknya memanfaatkan perkongsian bestari untuk faedah bersama.

Ketika berucap kepada perwakilan dari lebih 20 negara pada persidangan Perkongsian Perniagaan Asia-Eropah di sini selepas berakhirnya Mesyuarat kedua Asia-Eropah (ASEM II) hari ini, Perdana Menteri menggesa supaya dihentikan ura-ura mengenai pengaruh pasaran mendisiplinkan kerajaan untuk menjadikannya lebih telus.

Beliau mempersoalkan sama ada kuasa pasaran mempunyai objektif ekonomi dan sosial sedangkan apa yang penting kepada pasaran ialah keuntungan.

"Perlu diinghat bahawa kejayaan pasaran bebas juga bergantung kepada peraturan dan kawalan oleh masyarakat melalui kerajaan. Bolehkah pasaran itu bebas sama sekali daripada kawalan dan digerakkan bermotifkan keuntungan mewujudkan masyarakat yang lebih baik dan mendisiplinkan kerajaan. Bolehkah ia menghasilkan perkongsian demi kebaikan masyarakat," beliau bertanya.

Tiada apa yang perlu bimbang hasil daripada berkongsi kekayaan melalui perkongsian antara Eropah dan Asia untuk mewujudkan dunia yang lebih baik, kata Dr Mahathir.

Ura-ura untuk mendisiplinkan kerajaan untuk mengurangkan rasuah merupakan objektif yang patut mendapat pujian tetapi pengalaman melalui zaman menunjukkan bahawa pasaran tidak prihatin sepenuhnya.

Beliau menambah: "Selagi ada keuntungan hendak diperolehi, apapun boleh berlaku. Sememangnya rasuah membabitkan Kerajaan dan rakyat adalah disebabkan hasrat untuk mengaut keuntungan."

Kita telah melihat bagaimana pasaran mempengaruhi senario di Asia Timur ket apabila beberapa ekonomi yang dahulu cergas sekarang teruk terjejas kerana secara tiba-tiba pada pertengahan 1977, negara-negara Barat memutuskan bahawa kekayaan negara-negara berkenaan diperolehi secara tidak sah.

"Memang tidak ada komplot tetapi negara-negara kaya bertindak sebagai satu kumpulan atau dalam perkataan lain mereka bertindak bersama. Mereka menjadi bertambah kuat dengan bertindak sebagai satu kumpulan dengan memijak-mijak apa sahaja yang menghalang mereka."

Petualang-petualang ini mengaut keuntungan yang lumayan dengan memiskinkan negara-negara berkenaan, rakyat dan kerajaan dengan menggunakan kuasa mereka, kata beliau.

"Mereka mungkin mendakwa mendisiplinkan kerajaan-kerajaan ini tetapi kesannya ialah memusnahkan negara-negara itu dan pada masa yang sama mengaut keuntungan."

Beliau menarik perhatian kepada sebuah "negara besar" yang pengaruh pasaran menyebabkan dua puluh juta orang menggantung, mengurangkan kuasa membeli mereka kepada satu perempat, memuflikan perniagaan dan menyebabkan kekurangan makanan dan ubat-ubatan yang serius.

"Kita tidak pasti sama ada kerajaan dan rakyat mereka telah didisiplinkan... tetapi sekarang mereka menghadapi rusuhan dan kejadian mencuri di kedai-kedai dan apabila kerajaan cuba mengembalikan keamanan dan ketenteraman, mereka dikecam."

Senario ini juga menyebabkan nilai ringgit Malaysia susut kepada enam peratus daripada nilainya sebelum krisis itu, mengurangkan Keluaran Negara Kasar daripada AS\$100 bilion kepada kira-kira AS\$ 40 bilion.

Kerajaan-kerajaan dan kalangan perniagaan di Asia dipersalahkan bagi keadaan itu tetapi kekusutan nilai matawang ini sebenarnya disebabkan oleh petualang pasaran dari merata tempat," kata beliau.

Dr Mahathir berkata: "Mereka yang mendisiplinkan kerajaan-kerajaan ini telah mengaut berbilion-bilion dolar."

Beliau berkata untuk membina perkongsian baru antara Eropah dan Asia, kita harus jujur menjawab soalan sama ada perkongsian antara Eropah dan Asia dapat dijalin tanpa kerajaan.

"Biarlah kita bersikap pragmatik," kata beliau.

Terdahulu, ketika mengimbas sejarah hubungan Eropah-Asia, Dr Mahathir berkata walaupun imperialisme Eropah adalah dilihat oleh Asia sebagai kurang menyenangkan tetapi tidak dapat dinafikan bahawa ia telah membawa perubahan radikal pada pandangan masyarakat Asia terhadap dunia.

Penubuhan Kesatuan Ekonomi Eropah (EC) menjadikan masyarakat Eropah lebih menyelami dengan mendalam tetapi sekarang sudah tiba masanya untuk menjalin semula hubungan ini berdasarkan tapak yang lebih kukuh.

Satu daripada cara untuk mengatasi jurang budaya antara Eropah dan Asia ialah dengan menggalakkan pengaliran dua hala pelajar antara Asia dan Eropah, kata beliau. -- BERNAMA

WAH FAZ